



**KENYATAAN AKHBAR
PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL
(PTPTN)**

**432 PELAJAR KOLEJ LAGENDA TUNTUT BAKI WANG PTPTN /
400 PELAJAR MERANA PIHAK PENGURUSAN KOLEJ SWASTA GAGAL
BAYAR BAKI PINJAMAN PTPTN**

Kenyataan akhbar Berita Harian bertajuk "432 Pelajar Kolej Lagenda Tuntut Baki Wang PTPTN" dan akhbar Harian Metro bertajuk "400 Pelajar Merana Pihak Pengurusan Kolej Swasta Gagal Bayar Baki Pinjaman PTPTN" pada 27 Januari 2012 adalah dirujuk.

Untuk makluman, peraturan sedia ada menetapkan bahawa pembayaran pembiayaan pendidikan PTPTN pada setiap semester dimasukkan terus ke akaun pelajar. Tertakluk kepada persetujuan pelajar, IPT dan bank yang menguruskan pembayaran, satu jumlah tertentu kemudiannya dipindahkan ke akaun IPT untuk bayaran yuran pengajian dan sebagainya.

Para pelajar yang terlibat diminta mengemukakan aduan bertulis kepada PTPTN dengan melampirkan salinan laporan yang telah dibuat kepada Persatuan Pengguna Islam (PPIM) dan PDRM. Maklumat tersebut akan memudahkan tindakan lanjut dilakukan. Apa-apa pertanyaan juga boleh disalurkan melalui hotline PTPTN di talian 03 - 2080 4455 atau <http://icare.ptptn.gov.my> .

Sekian, terima kasih.

Rina binti Abd Rahman
Pegawai Perhubungan Awam PTPTN